

Program Sukuk UEM Edgenta Menerima Peningkatan Penarafan AA_{IS}, Mencerminkan Kekuatan Kewangan dan Kemajuan Strategik

KUALA LUMPUR, 19 Disember – UEM Edgenta Berhad (UEM Edgenta), sebuah syarikat terkemuka dalam pengurusan aset dan penyelesaian infrastruktur di rantau ini, telah menerima penaiktarafan kepada Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) di bawah Program Sukuk Murabahah bernilai RM1.0 bilion, dengan baki Sukuk sebanyak RM250.0 juta, kepada AA_{IS} daripada AA_{IS} oleh MARC Ratings Berhad (MARC Ratings) buat kali pertama sejak penarafan tersebut diberikan pada tahun 2017. Peningkatan ini menekankan kedudukan kewangan UEM Edgenta yang kukuh, pertumbuhan perniagaan yang konsisten, dan keupayaan operasi yang cemerlang merentasi segmen terasnya, termasuk Perkhidmatan Sokongan Penjagaan Kesihatan, Pengurusan Harta dan Fasiliti, Perkhidmatan Infrastruktur, dan Perundingan Aset.

Dalam pengumumannya, MARC Ratings menekankan keupayaan UEM Edgenta untuk menjana aliran tunai yang konsisten, yang disokong oleh asas pendapatan yang pelbagai dan kontrak-kontrak jangka panjang. Bagi sembilan bulan pertama tahun 2024 (9M2024), kontrak baharu yang diperoleh terus berkembang, mencapai RM2.3 bilion (2023: RM2.0 bilion), dengan 80% disumbang oleh penyelesaian penjagaan kesihatan. Ini termasuk kontrak bernilai RM900 juta untuk Perkhidmatan Sokongan Penjagaan Kesihatan di Singapura bagi tempoh lima (5) tahun.

Di dalam perkhidmatan infrastruktur, yang dijalankan oleh anak syarikat milik penuh Edgenta PROPEL Berhad, kumpulan itu mendapat manfaat daripada kontrak perkhidmatan penyelenggaraan induk jangka panjang dengan Projek Lebuh raya Usahasama Berhad (PLUS) untuk penyelenggaraan lebuh raya. Kontrak ini memastikan aliran pendapatan yang stabil sehingga 2038. Selain itu, pengambilalihan 60% pegangan ekuiti dalam Kaizen Group, sebuah syarikat pengurusan hartanah berpangkalan di Emiriah Arab Bersatu, dengan nilai RM74.9 juta pada Februari 2024, telah memperluaskan portfolio penyelesaian pengurusan hartanah dan fasiliti Syarikat.

MARC Ratings menyerlahkan metrik kredit Syarikat yang lebih baik dan inisiatif pengurusan kos yang berkesan, yang telah menyumbang kepada peningkatan profil risiko dan daya tahan kewangannya.. Agensi penarafan itu juga mengiktiraf pengurusan kewangan yang berhemah, yang telah memperkukuh kedudukan kecairan syarikat dan keupayaan melangsaikan hutangnya. Bagi 9M2024, pendapatan meningkat sebanyak 7.6% y-o-y kepada RM2.2 bilion, manakala keuntungan sebelum

cukai meningkat sebanyak 5.1% kepada RM65.6 juta. Margin operasi kekal sekitar 3%, dan kumpulan ini sedang melaksanakan inisiatif untuk memperkukuh margin keuntungan dengan memperkemas operasi serta memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan kecekapan. Penambahbaikan margin ini dijangka dapat mengurangkan kebimbangan mengenai kesan daripada semakan gaji minimum bulanan kepada RM1,700 daripada RM1,500 yang akan berkuat kuasa pada Februari 2025.

Mengulas mengenai peningkatan penarafan tersebut, Syahrulizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, berkata: “Pengiktirafan oleh MARC Ratings ini menyerlahkan kekuatan hala tuju strategik kami dan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk menyampaikan nilai kepada pemegang taruh kami. Penarafan AA_{IS} mencerminkan kedudukan kewangan kukuh UEM Edgenta dan keupayaan unggul kami untuk memenuhi kewajipan kewangan, sekaligus memperkukuh reputasi kami sebagai peneraju dipercayai dalam sektor pengurusan aset dan penyelesaian infrastruktur. Ini adalah bukti keyakinan yang diberikan oleh pelanggan dan rakan kongsi kami. Melangkah ke hadapan, kami akan terus memanfaatkan kepakaran kami untuk memacu pertumbuhan mampan dan memberikan penyelesaian inovatif serta berimpak tinggi di pasaran yang kami berkhidmat.”

Program Sukuk Murabahah bernilai RM1.0 bilion UEM Edgenta telah menjadi tonggak utama dalam menyokong inisiatif pertumbuhan strategiknya, termasuk pelaburan dalam inovasi berasaskan teknologi dan projek yang berfokus kepada kelestarian. Peningkatan penarafan terkini ini meningkatkan daya tarikan program tersebut, menjadikannya peluang pelaburan yang menarik bagi pelabur yang mencari pelaburan berkualiti tinggi dan stabil.

Untuk maklumat lanjut berkenaan UEM Edgenta, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Ends-

Mengenai UEM Edgenta

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi